

05/03/2001

Persekitaran menarik perlu setaraf kemajuan

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Ahad - Usaha membentuk persekitaran yang menarik perlu setaraf dengan kemajuan kerana kebolehan berbuat demikian mencerminkan lambang tamadun sesuatu bangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegagalan sesuatu bangsa melahirkan tahap persekitaran yang baik bukan saja mencerminkan tamadun rendah, tetapi juga pembangunan dan kejayaan yang rendah.

Lebih buruk lagi, kata Perdana Menteri, apabila mereka yang bertamadun rendah tidak berasa malu dengan kedudukan itu serta gagal membuat penilaian terhadap perbezaan antara mereka dengan bangsa bertamadun tinggi.

"Bangsa yang tahu malu mengambil berat kelakuan dan prestasi mereka, manakala bagi orang yang tinggi budayanya tetap akan malu dengan kegagalan atau kelemahan dalam apa-apa bidang," katanya ketika melancarkan sambutan Hari Landskap Negara di Dataran Putra di sini hari ini.

Pelancaran itu sempena keputusan kerajaan menjadikan 3 Mac setiap tahun sebagai hari landskap negara.

Sambutan tahunan itu meliputi semua peringkat jabatan, sekolah, institusi pengajian tinggi, syarikat swasta dengan mengadakan aktiviti menanam pokok, pameran landskap, dialog industri lanskap dan sebagainya.

Hari Landskap Negara tahun ini bertemakan `Cintailah Lanskap Kita' bertujuan mengingatkan semua rakyat Malaysia menghargai landskap dan alam semula jadi yang indah dan cantik bagi merealisasikan wawasan menjadikan `Malaysia Negara Taman' menjelang 2005.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Dr Mahathir berkata, selain kesejahteraan hidup, persekitaran yang indah kerana landskap dan pepohonan, menjadi daya penarik kepada pelbagai kegiatan sosial dan agama.

Sambil melahirkan kesyukuran kerana rakyat Malaysia mula prihatin terhadap persekitaran, beliau berkata mereka kini bukan saja gigih menjaga kebersihan tetapi kecekapan memperelok persekitaran meningkat sepanjang masa.

"Keindahan alam sekeliling memberi ketenangan kepada jiwa manusia. Ia juga memberi inspirasi yang boleh menghasilkan idea dan meningkatkan kreativiti atau pembentukan pemikiran yang unit serta istimewa," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi rumah tidak yang berhalaman, pengindahan masih boleh dibuat dengan menanam pokok bunga sesuai di luar tingkap.

"Arkitek Malaysia belum tahu bagaimana menyediakan window flower boxes untuk rumah bertingkat ini ... sebaliknya jurutera yang mereka bentuk jalan bertingkat lebih cekap mengadakan planter boxes di bahagian luar sisi jalan."

"Saya yakin arkitek Malaysia akan belajar bagaimana membolehkan penghuni rumah bertingkat mengindahkan bangunan mereka dengan tanaman pokok bunga," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan pemaju hartanah supaya tidak meratakan tanah dan menimbus lembah antara bukit ketika memajukan projek mereka.

"Saya tidak faham kenapa kawasan pembangunan rumah perlu diratakan sehingga hilang bukan saja bukit dan lembah, tetapi juga alur kecil yang

membawa air ketika hujan.

"Tabiat membangunkan rumah berderet dan lurus amatlah tidak menarik. Sebaliknya rumah patut dibangun mengikut topografi asal walaupun ini akan meningkatkan kos kerana jumlah bangunan terpaksa dikurangkan," katanya.

(END)